

**UMNO TAK
AMAL
SISTEM
PERKA**

DIRAN

UM 18 MAY 1981

MMELAKA 17 Mei — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa UMNO tidak sekali-kali mengamalkan "sistem perkadiran" di mana ahli-ahli tertentu sahaja dipilih berkuasa.

Sambil mensifatkannya sebagai suatu sistem "saya garu belakang kau, kau garu belakang saya", Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sistem perkadiran itu tidak sesuai bagi UMNO kerana UMNO berasaskan kepada suara ramai sebagai sebuah parti yang didukung oleh rakyat sendiri, khasnya orang-orang Melayu.

Berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO Bahagian Alor Gajah di sini pagi ini, Timbalan Presiden UMNO itu menyatakan keyakinannya

terhadap kematangan ahli-ahli UMNO sekarang dalam memilih pucuk pimpinan sendiri.

Katanya, UMNO sekarang mempunyai lebih 600,000 orang ahli dan keadaan kecoh mungkin tidak dapat dielakkan dalam parti berikutan dengan perbezaan pendapat di kalangan ahli yang ramai itu.

"Bagaimanapun, keadaan itu biasanya dapat diselesaikan dengan aman apabila keputusan ramai dibuat di mana semua ahli patuh kepada keputusan itu dan mereka rapat semula," katanya.

Beliau berharap sikap patuh kepada keputusan ramai itu akan berterusan demi untuk menjaga kestabilan parti memandangkan kestabilan negara bergantung kepada kestabilan UMNO sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau sedar terdapat setengah ahli UMNO bersikap bengis tetapi mereka sebenarnya tetap taat kepada UMNO.

"Umpamanya, saya pernah disingkir dari

UMNO tetapi saya terus menaruh penuh kepercayaan kepada UMNO dan akhirnya saya pulang semula kepada UMNO apabila ada peluang," katanya.

Beliau berpendapat jika ahli-ahli UMNO tidak memahami perjuangan parti dan tidak menaruh taat kepada parti, UMNO sendiri akan hancur.

Beliau gembira kerana ramai generasi muda sekarang telah menyertai UMNO.

Di samping itu UMNO juga menaruh kepercayaan kepada generasi muda dengan melantik mereka menjadi pemimpin di beberapa buah negeri serta timbalan-timbalan menteri di peringkat pusat, katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru orang ramai supaya memahami langkah kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf bumiputera dalam segala lapangan.

"Pertolongan kepada bumiputera itu bukan merupakan satu diskriminasi tetapi adalah usaha untuk membetulkan keadaan rakyat berbilang kaum," katanya.

Beliau berharap rakan-rakan parti komponen dalam Barisan Nasional dan lain-lain masyarakat bukan bumiputera faham akan hasrat kerajaan yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya memberikan bantuan untuk mencapai matlamat dasar tersebut.

Timbalan Perdana Menteri kemudian melahirkan rasa kesal kerana terdapat bumiputera tidak menggunakan peluang yang diberikan oleh kerajaan itu dengan sewajarnya.

"Kejayaan yang dicapai itu kadang-kadang boleh membawa kemusnahan jika mereka lupa sebab-sebab kerajaan memberi pertolongan kepada mereka," katanya.

Beliau juga dukacita atas keputusan Datuk Hussein Onn tidak menerima pencalonan Presiden UMNO dalam persidangannya yang akan datang walaupun beliau telah mencuba memujuknya supaya mengubah keputusan tersebut.

"UMNO adalah sebuah parti yang konservatif dan tidak suka kepada banyak perubahan kerana ia akan menimbulkan banyak masalah," katanya.